Zainuddin bin Uyub lwn Jalil bin Tumirin

A

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO 12–24 TAHUN 2008
ZAWAWI SALLEH PK
8 SEPTEMBER 2009

B

Keterangan — Inferens bertentangan — Kegagalan memanggil saksi material — Sama ada memudaratkan kes — Sama ada kesemua butiran dan maklumat telah dikemukakan dalam kertas siasatan — Sama ada rajah rajah kasar dan kuncinya serta gambar-gambar boleh diterima — Akta Keterangan 1950 ss 73A2(a) & 114(g)

C

D

Ini adalah rayuan perayu mengenai isu liabiliti dan kuantum yang berbangkit dari satu kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya berlaku di sebatang jalan raya melibatkan kereta yang dipandu responden dan sebuah teksi yang dipandu perayu serta sebuah lori. Fakta-fakta yang tidak dipertikaikan adalah bahawa; kereta responden, teksi perayu dan lori berada dalam arah perjalanan dan lorong yang sama; teksi perayu telah mengekori kereta responden sebelum kemalangan tersebut berlaku; akibat daripada kemalangan itu penumpang di dalam kereta responden meninggal dunia di tempat kejadian dan pemandu kereta responden mengalami kecederaan kepala yang serius dan tidak dapat memberi keterangan di mahkamah. Responden menyatakan bahawa teksi perayu telah melanggar kereta responden dari arah belakang ketika dalam proses untuk memotong kereta responden. Akibat pelanggaran tersebut kereta responden terbabas dan tertolak ke hadapan lalu melanggar belakang lori yang berada di hadapan. Dua pegawai penyiasat terlibat dalam siasatan terhadap kemalangan tersebut dan salah seorang daripada pegawai penyiasat tersebut telah meninggal dunia dan seorang lagi pegawai, Inspektor Brodie, telah ditukarkan ke Sarawak. Kertas siasatan kemalangan tersebut dikemukakan semasa perbicaraan oleh seorang pegawai yang lain. Mahkamah sesyen memutuskan bahawa atas imbangan kebarangkalian, responden telah membukitkan kesnya. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang bijaksana telah membuat penemuan fakta secara positif bahawa teksi perayu telah melanggar bahagian belakang kereta responden semasa dalam proses memotong kereta tersebut mengakibatkan kereta responden terbabas dan tertolak ke hadapan lalu melanggar bahagian sebelah kiri lori yang berada di hadapan. Tetapi perayu mempertikaikan penemuan fakta tersebut atas alasan ianya bertentangan dengan keberatan keterangan yang dijelaskan di mahkamah. Oleh itu, HMS yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa perayu bertanggungan sepenuhnya terhadap kemalangan jalan raya tersebut dan beliau gagal memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap segala keterangan dokumentar dan keterangan lisan yang

E

F

G

H

I

dikemukakan di mahkamah. Perayu menyatakan bahawa peruntukan s 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta') sepatutnya digunapakai. Oleh yang demikian perayu menyatakan, antara lain, bahawa: (a) rumusan versi responden lebih berkemungkinan tetapi tidak menyatakan apakah keterangan-keterangan yang menyokong versi tersebut dan penemuan fakta dibuat berdasarkan spekulasi semata-mata; (b) HMS yang bijaksana secara khilaf memutuskan bahawa kehadiran pegawai penyiasat bagi memberi keterangan adalah tidak perlu; dan (c) penolakan keterangan bebas menyokong versi perayu tentang bagaimana kemalangan jalan raya tersebut berlaku.

Diputuskan menolak rayuan perayu dan rayuan balas responden dengan kos:

(1) Rajah kasar yang telah dilukis pegawai penyiasat yang telah meninggal dunia tidak syak dapat menunjukkan di mana kemalangan jalan raya berlaku dan kedudukan kenderaan-kenderaan yang terlibat selepas kemalangan tersebut. Penelitian terhadap rajah kasar bersama-sama dengan keterangan berkecuali lain seperti gambar-gambar dan kerosakan-kerosakan kepada kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam kemalangan tersebut tidak syak lagi telah membolehkan HMS yang bijaksana memutuskan versi yang mana satukah antara versi yang bercanggah itu lebih berkemungkinan (lihat perenggan 16).

(2) Sama ada kegagalan mana-mana pihak memanggil seseorang pegawai penyiasat akan memudaratkan kesnya atau tidak adalah banyak bergantung kepada keterangan dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Sekiranya Inspektor Brodie dipanggil memberi keterangan sekalipun ia tidak akan membawa apa-apa perbezaan berhubung dengan aspek keterangan yang akan diberikan. Semua butir dan maklumat yang berkenaan kemalangan jalan raya tersebut telah berada di dalam kertas siasatan tersebut. Perayu tidak mencadangkan apakah keterangan material yang boleh diberikan oleh Inspektor Brodie yang tidak terdapat dalam kertas siasatan yang dikemukakan di mahkamah. Maka, gesaan supaya s 114(g) Akta digunapakai, dalam keadaan yang wujud dalam kes ini tidak bermerit (lihat perenggan 18–19).

(3) Dokumen-dokumen seperti rajah kasar dan kuncinya serta gambar-gambar yang dilukis dan diambil oleh pegawai penyiasat yang meninggal dunia boleh diambil masuk sebagai keterangan di bawah s 73A2(a) Akta. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk memerintahkan sesuatu dokumen dikemukakan sekiranya ia berpuas hati bahawa kelambatan bersangatan atau perbelanjaan yang banyak akan berlaku untuk memanggil pembuatnya memberi keterangan di mahkamah (lihat perenggan 21–22)

(4) HMS yang bijaksana telah bertanyakan soalan yang betul dan perayu gagal menunjukkan bahawa keputusan beliau khilaf di sisi undang-undang dan bertentangan dengan keberatan keterangan yang

dikemukakan di hadapannya yang mewajarkan gangguan dibuat terhadap penemuan fakta tersebut (lihat perenggan 31).

(5) Kesemua award yang diberikan HMS yang bijaksana berhubung dengan isu kuantum wajar dikekalkan (lihat perenggan 41).

[Bahasa Malaysia summary

This was the appellant's appeal pertaining to the issues of liability and quantum arising from a road accident. The road accident involved a car driven by the respondent and a taxi driven by the appellant and a lorry. The undisputed facts were that: the respondent's car, the appellant's taxi and the lorry were all on the same direction and lane; the appellant's taxi was tailing the respondent's car before the accident occurred; as a result of the accident the passenger in the respondent's car had died on the spot and the driver of the respondent's car suffered serious head injuries and could not testify in court. The respondent stated that the appellant's taxi had knocked down the respondent's car from behind while trying to overtake the respondent's car. As a result of the accident, the respondent's car swerved and pushed to the front and knocked the back of the lorry which was in front. Two investigating officers were involved in the investigation of the accident and one of the investigation officers had passed away while another officer, Inspector Brodie, had been transferred to Sarawak. The investigation paper for the accident had been produced during the trial by another officer. The sessions court decided that on the balance of probability, the respondent had proved its case. The learned sessions court judge ('SCJ') made positive findings of fact that the appellant's taxi had knocked the back of the respondent's car while overtaking the car causing the respondent's car to swerve and pushed to the front knocking the left side of the lorry which was in front. However, the appellant disputed the findings of fact on the grounds that it was against the weight of the evidence presented in the court. Thus the learned SCJ had erred in facts and law when deciding that the appellant was solely responsible for the road accident and he had failed to give appropriate consideration to all the documentary evidence and the oral evidence adduced in the court. The appellant stated that the provisions of s 114(g) of the Evidence Act 1950 ('the Act') ought to be applied. Therefore, the appellant stated, inter alia, that: (a) conclusion of the respondents version was more probable but did not state what was the evidence that supported the version and the findings of fact was done based on mere speculations; (b) the learned SCJ had wrongly decided that the presence of the investigation officer to testify was not necessary; and (c) the dismissal of the independence evidence supporting the appellant's version as to how the accident occurred.

Held, dismissing the appellant's appeal and the respondent's cross-appeal with costs:

(1) The sketch plan drawn by the deceased investigation officer undoubtedly could show where the road accident occurred and the positions of the

vehicles involved after the accident. A thorough investigation of the sketch plan together with the other independent evidence such as the photographs and the damages to the vehicles involved in the accident would undoubtedly enable the learned SCJ to decide which version among all the contradicting versions was more probable (see para 16).

(2) As to whether the failure of any party to call an investigation officer would prejudice its case or not would largely depend on the evidence and the circumstances existing in the case. Even if Inspector Brodie was called to testify it would not make any difference with regards to the aspect of the evidence that was to be given. All the details and information with regards to the road accident was already in the investigation paper. The appellant did not suggest the material evidence that could be given by Inspector Brodie which was not found in the investigation paper adduced in the court. Thus, the insistence for the application of s 114(g) of the Act, in the circumstances of the case, had no merit (see paras 18–19).

(3) The documents such as the sketch plan and the key as well as the photographs drawn and taken by the deceased investigation officer could be admitted as evidence under s 73A2(a) of the Act. The court had the discretion to order a document be produced if it was satisfied that inordinate delay or expense would be incurred to call the maker to testify in court (see paras 21–22).

(4) The learned SCJ had asked the right question and the appellant had failed to show that his decision was wrong under the law and was against the weight of evidence adduced before him which warranted interference to the finding of facts (see para 31).

(5) All the awards given by the learned SCJ with regards to the issue of quantum ought to be maintained (see para 41).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai inferens bertentangan secara am, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 145–269.

Kes-kes yang dirujuk

Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v Chong On Foh Medical Hall & Liquor Dealers [1997] 4 MLJ 532, MT (dirujuk)

Baggs v London Graving Dock Co Ltd [1943] 1 All ER 426, MR (dirujuk)

Baharuddin bin Sulong & Anor v View Chong Choo [2008] 1 PIR (40) (tidak diikut)

Chong Chee Khong & Anor v Ng Yeow Hin [1997] 5 MLJ 786, MT (dirujuk)

Chua Chong Cher v Teo Lang Keow & Ors [1970] 2 MLJ 27; [1970] 1 LNS 18, MR (dirujuk)

Chuah Ow Pow v Lee Foong & Anor [1975] 1 MLJ 186, MT (dirujuk)

Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung and another appeal [1997] 2 MLJ 465, MR (dirujuk)
Davies & Anor v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd [1942] AC 601, HL (dirujuk)
Hitam bin Abdullah & Anor v Kok Foong Yee (f) & Anor [1974] 1 MLJ 193, PC (dirujuk)
Jamil bin Harun v Yang Kamsiah & Anor [1984] 1 MLJ 217, PC (dirujuk)
Karumalay a/l Vanniyan & Anor v Ananthan a/l Rethinam [2005] 3 MLJ 600; [2005] 2 CLJ 429, MR (dirujuk)
Koay Teik Choo & Ors v Reg [1956] MLJ 52 (dirujuk)
Lau Song Seng & Ors v PP [1998] 1 SLR 663, MR (dirujuk)
Lee Boon Kiat v Ng Sing [1982] 1 MLJ 229, MT (dirujuk)
Ludhiana Transport Syndicate & Anor v Chew Soo Lan & Anor [1979] 2 MLJ 207, PC (dirujuk)
Mohd Azri bin Sumbong & Anor v Wakil-Wakil Abdul Rasol bin Ariffin si mati (and another suit) [2008] 2 PIR (33) (tidak diikut)
Multar v Lim Kim Chet & Anor [1982] 1 MLJ 184, MP (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)
Noorianti bte Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge [1990] 2 MLJ 242; [1990] 1 CLJ 543, MT (dirujuk)
Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip [1984] 2 MLJ 285, MP (dirujuk)
Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang [1985] 1 MLJ 153; [1985] 2 CLJ 221, MP (dirujuk)
Paramasivam a/l Samy Peruman v Ibrahim bin Mohd Amin & Anor [2008] 2 PIR (10) (tidak diikut)
Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v Chang Ching Chuen & Ors [1998] 1 MLJ 465, MP (dirujuk)
PP v Guan Seng Trading Sdn Bhd [1997] 4 MLJ 207 (dirujuk)
Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214, MP (dirujuk)
Tabarani b Mohd Arsad & Anor v Chan Tenn Yeu [1999] MLJU 126; [1999] 3 CLJ 188, MT (dirujuk)
Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22, MA (dirujuk)
Tan Teck Hing & Anor v Lee Yong Kong & Anor [2003] 1 MLJ 599, HC (dirujuk)
Tay Koh Yat Bus Co Ltd v Chua Chong Cher & Ors [1972] 1 MLJ 183, PC (dirujuk)
Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284, MP (dirujuk)
United Plywood and Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi [1970] 2 MLJ 237, MP (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)
Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam [1975] 2 MLJ 117, PC (dirujuk)
Yap Kuen & Satu Lagi v Chan Keng Seng [2009] 1 LNS 504, MT (dirujuk)
Yew You & Anor v Mah Poay Koh & Anor [1970] 1 MLJ 57, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 35, 74, 73A(2)(a), 114(g)

Brijnandan Singh (Brijnandan Singh Bhar & Co) bagi pihak respondent/plaintif. Noor Fauziah bt Kadir (SK Lee) bagi pihak perayu/defendan.

Zawawi Salleh PK:

RAYUAN

[1] Ini adalah satu rayuan oleh perayu/defendan terhadap keputusan tuan hakim Mahkamah Sesyen, Johor Bahru yang dibuat pada 31 Januari 2008 mengenai isu liabiliti dan kuantum yang berbangkit dari satu kemalangan jalan raya.

[2] Tuan hakim mahkamah sesyen, selepas perbicaraan penuh, memutuskan bahawa:

(a) Defendan bertanggungan sepenuhnya;

(b) Award ganti rugi kepada responden/plaintif dalam kes 53–64 tahun 1998 ialah seperti berikut:

(i) RM193,000 bagi ganti rugi am;

(ii) RM1,260 bagi ganti rugi khas; dan

(iii) RM144,000 bagi kehilangan pendapatan.

[3] Bagi plaintif kedua, iaitu isteri dan tanggungan kepada Burhanuddin bin Md Shariff (si mati), award berikut telah diberikan:

(a) RM10,000 bagi kesedihan;

(b) RM2,000 bagi kos pengkebumian; dan

(c) RM96,000 bagi kehilangan tanggungan termasuk faedah dan kos.

FAKTA RINGKAS KES

[4] Seperti lazim berlaku dalam sesuatu kes kemalangan jalan raya, versi responden/plaintif dan perayu/defenden adalah bercanggah antara satu sama lain tentang bagaimana kemalangan jalan raya yang menjadi hal perkara dalam kes ini terjadi.

[5] Kemalangan jalan raya ini berlaku di sebatang jalan di Lebuhraya Utara Selatan pada malam 24 Oktober 2007 antara kereta bernombor pendaftaran

JBY 7647 yang dipandu oleh responden/plaintif dan sebuah teksi bernombor pendaftaran JDC 9679 yang dipandu oleh perayu/defendan serta sebuah lori bernombor pendaftaran CAD 5033.

[6] Adalah tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak bahawa kereta plaintif/responden, teksi perayu/defendan dan lori itu berada dalam arah perjalanan dan lorong yang sama. Adalah juga tidak dipertikaikan bahawa teksi perayu/defendan telah mengekori kereta responden/plaintif sebelum kemalangan jalan raya ini berlaku. Akibat daripada kemalangan ini, penumpang di dalam kereta responden/plaintif meninggal dunia serta merta di tempat kejadian dan pemandu kereta telah mengalami kecederaan kepala yang serius dan tidak dapat memberi keterangan di mahkamah.

[7] Versi responden/plaintif tentang kemalangan itu berlaku ialah bahawa teksi perayu/defendan telah melanggar kereta responden/plaintif dari arah belakang ketika dalam proses untuk memotong kereta responden/plaintif. Akibat daripada perlanggaran itu, kereta responden/plaintif telah terbabas dan tertolak ke hadapan lalu melanggar bahagian belakang sebelah kiri lori yang berada di hadapan kereta itu. Versi perayu/defendan pula ialah bahawa semasa kemalangan berlaku, teksi perayu/defendan dalam proses hendak memotong kereta responden/plaintif. Kereta responden/plaintif telah terlebih dahulu melanggar bahagian sebelah kiri lori yang berada di hadapan kereta itu. Pada masa itu, teksi perayu/defendan hanya baru keluar sedikit sahaja dan masuk ke lorong sebelah. Bahagian hadapan teksi perayu/defendan telah melanggar 'mudguard' sebelah kanan kereta responden/plaintif.

KEPUTUSAN TUAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

[8] Selepas meneliti keterangan lisan dan selepas mengkaji gambar-gambar, rajah kasar dan kerosakan-kerosakan kepada kenderaan-kenderaan yang terlibat, tuan hakim mahkamah sesyen memutuskan bahawa atas imbangan kebarangkalian, responden/plaintif telah membuktikan kesnya. Tuan hakim telah membuat penemuan fakta secara positif bahawa teksi perayu/defendan telah melanggar bahagian belakang kereta responden/plaintif semasa dalam proses memotong kereta itu dan akibatnya kereta responden/plaintif telah terbabas dan tertolak ke hadapan lalu melanggar bahagian belakang sebelah kiri lori yang berada di hadapannya.

HUJAH PEGUAMCARA TERPELAJAR PERAYU/DEFENDAN

[9] Pada intipatinya hujah utama peguamcara terpelajar perayu/defendan ialah penemuan fakta yang dibuat oleh tuan hakim mahkamah sesyen adalah bertentangan dengan keberatan ('weight') keterangan yang ada di hadapan mahkamah. Oleh itu, dikatakan tuan hakim mahkamah sesyen telah khilaf dari

segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa perayu/defendan bertanggungan sepenuhnya terhadap kemalangan jalan raya ini. Seterusnya tuan hakim mahkamah sesyen juga dikatakan gagal untuk memberi pertimbangan sewajarnya terhadap segala keterangan dokumentari dan keterangan lisan yang dikemukakan dalam mahkamah. Responden/plaintif juga dikatakan telah gagal mengemukakan saksi-saksi material. Oleh itu, tuan hakim mahkamah sesyen sepatutnya menggunapakai peruntukan s 114(g) Akta Keterangan 1950.

PENDEKATAN MAHKAMAH YANG MENDENGAR RAYUAN

[10] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa adalah tidak wajar bagi mahkamah yang menjalankan kuasa rayuan yang tidak mempunyai kelebihan untuk melihat atau mendengar sendiri saksi-saksi mengemukakan keterangan mengganggu ('interfere') atau menggantikan penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara. Autoriti mengenai prinsip ini adalah banyak. Rujukan bolehlah dibuat kepada, antara lain, kes-kes yang berikut:

(a) *Hitam bin Abdullah & Anor v Kok Foong Yee (f) & Anor* [1974] 1 MLJ 193 (PC);

(b) *Ludhiana Transport Syndicate & Anor v Chew Soo Lan & Anor* [1979] 2 MLJ 207 (PC);

(c) *Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam* [1975] 2 MLJ 117 (PC);

(d) *Tay Koh Yat Bus Co Ltd v Chua Chong Cher & Ors* [1972] 1 MLJ 183;

(e) *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214; dan

(f) *Yap Kuen & Satu Lagi v Chan Keng Seng* [2009] 1 LNS 504.

[11] Peguamcara terpelajar perayu/defendan tidak mempertikaikan dan bersetuju dengan prinsip undang-undang yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, beliau berhujah bahawa mahkamah ini boleh mengganggu atau menggantikan penemuan fakta yang dibuat oleh tuan hakim mahkamah sesyen jika boleh ditunjukkan bahawa hakim bicara itu telah bertindak berdasarkan prinsip undang-undang yang salah dan terkhilaf dalam membuat penemuan fakta ('the trial court had acted upon a wrong principle of law, had misapprehended the facts or had made wholly erroneous findings of facts'). Bagi menyokong hujah beliau, rujukan dibuat kepada, antara lain, kes-kes berikut:

(a) *Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip* [1984] 2 MLJ 285 (MP); dan

(b) *Multar v Lim Kim Chet & Anor* [1982] 1 MLJ 184 (MP).

[12] Melalui satu hujah bertulis yang panjang dan terperinci, peguamcara terpelajar perayu/defendan mengatakan bahawa kes ini ialah merupakan satu kes di mana mahkamah ini patut mengganggu atau menggantikan penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara atas alasan-alasan yang berikut:

(a) Tuan hakim mahkamah sesyen telah mendapati versi responden/plaintif lebih berkemungkinan ('more probable') tetapi tidak menyatakan apakah keterangan-keterangan yang menyokong versi tersebut. Penemuan fakta tersebut dibuat berdasarkan spekulasi semata-mata;

(b) Tuan hakim mahkamah sesyen secara khilaf telah memutuskan bahawa kehadiran pegawai penyiasat (IO) untuk memberi keterangan adalah tidak perlu;

(c) Tuan hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila menolak versi perayu/defendan kerana dikatakan terdapat percanggahan antara keterangannya di mahkamah dan laporan polis tentang kehadiran lori di hadapan kereta responden/plaintif; dan

(d) Keterangan bebas ('neutral evidence') menyokong versi perayu/defendan tentang bagaimana kemalangan jalan raya ini berlaku.

[13] Dalam keadaan demikian, dan sebagai menghargai usaha peguambela terpelajar perayu/defendan menyediakan hujah yang lengkap, adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk mengulas dan membincangkan satu per satu hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguamcara terpelajar perayu/defendan bagi menentukan sama ada hujah-hujah tersebut mempunyai merit atau tidak.

Isu (a) dan (b)

[14] Isu (a) dan (b) akan dibincangkan bersekali kerana ia berkaitan antara satu sama lain. Adalah diakui bahawa responden/plaintif tidak memberi keterangan semasa perbicaraan kerana kecederaan serius di kepalanya tidak membolehkan beliau berbuat demikian. Versi responden/plaintif dikemukakan melalui SP3 yang telah membawa kertas siasatan ke mahkamah kerana pegawai penyiasat asal yang telah melukis rajah kasar dan membuat pemerhatian telah meninggal dunia (lihat rajah kasar dan kunci di ms 215 rekod rayuan). Siasatan kes kemudiannya telah diambil alih oleh Inspektor Brodie yang kini berada di pendalaman Sarawak.

[15] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap dalam kes-kes sivil bahawa apabila mahkamah dihadapkan dengan dua versi yang berbeza tentang bagaimana satu kemalangan jalan raya berlaku, mahkamah yang membicarakan kes itu hendaklah meneliti keterangan-keterangan bebas ('neutral') yang lain seperti rajah kasar, gambar-gambar dan kerosakan kenderaan-kenderaan yang terlibat bagi menentukan liabiliti pihak-pihak

(lihat kes-kes *Tabarani b Mohd Arsad & Anor v Chan Tenn Yeu* [1999] MLJU 126; [1999] 3 CLJ 188; *Kody Teik Choo & Ors v Reg* [1956] 22 MLJ 52; *Noorianti bte Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge* [1990] 2 MLJ 242; [1990] 1 CLJ 543; dan *Chua Chong Cher v Teo Lang Keow & Ors* [1970] 2 MLJ 27; [1970] 1 LNS 18).

[16] Rajah kasar yang telah dilukis oleh pegawai penyiasat yang telah meninggal dunia tidak syak lagi dapat menunjukkan di mana kemalangan jalan raya berlaku dan kedudukan kenderaan-kenderaan yang terlibat selepas kemalangan itu. Penelitian terhadap rajah kasar bersama-sama dengan keterangan berkecuali lain seperti gambar-gambar dan kerosakan-kerosakan kepada kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu, tidak syak lagi telah membolehkan tuan hakim mahkamah sesyen memutuskan versi yang mana satukah antara versi yang bercanggah itu lebih berkemungkinan. Dalam hubungan ini, tuan hakim mahkamah sesyen dalam penghakimannya berkata:

> Dari kajian ke atas keseluruhan keterangan yang ada mahkamah mendapati versi yang dikemukakan oleh SD1 tentang bagaimana kemalangan berlaku adalah tidak berkemungkinan (lihat ms 17 rekod rayuan).

[17] Dalam kes ini, dua orang pegawai penyiasat terlibat dalam siasatan terhadap kemalangan jalan raya yang berlaku, iaitu penolong pegawai penyiasat (A10), Sarjan Omar bin Jaafar, dan pegawai penyiasat (IO), C/Insp Brodie. A10 telah meninggal dunia dan IO pula telah ditukarkan ke Sarawak. Dalam memutuskan SP3 dibenarkan mengemukakan kertas siasatan semasa perbicaraan, tuan hakim mahkamah sesyen berkata:

> SP3 bukanlah pegawai penyiasat di dalam kes ini. Pihak plaintif-plaintif telah gagal mendapat pegawai penyiasat yang sebenarnya iaitu Inspektor Brodie disebabkan dia telah berpindah ke pendalaman Sarawak dan sukar dikesan.
>
> SP3 datang ke mahkamah dengan membawa kertas siasatan untuk kes kemalangan maut ini. Jadi segala yang dilakukan semasa menyiasat kes ini sudah tentu pegawai penyiasat yang akan memasukkannya ke dalam kertas siasatan tersebut.
>
> Oleh itu, apa yang hendak disembunyikan oleh Inspektor Brodie. Jadi apakah keperluannya untuk menimbulkan anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 (lihat ms 15–16 rekod rayuan).

[18] Pada pandangan mahkamah ini, sama ada kegagalan mana-mana pihak memanggil seseorang pegawai penyiasat akan memudaratkan kesnya ('fatal') atau tidak adalah banyak bergantung kepada keterangan dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Dalam buku *Law of Evidence*, Vol 1, Jaswant Singh, Deepak Arora, RS Dogra, Madras Law Journal Office Madras, dinyatakan di ms 134 seperti berikut:

Non-examination of the investigation officer is not necessarily fatal; the Court has to see whether his evidence is essential and if on finding that no prejudice will be caused to the defence, it may pronounce judgment without examining him: (1987) 35 B.L.J.R. 335 (D.B); (1988) 36 B.L.J.R. 156 (D.B).

[19] Pada pandangan mahkamah ini, sekiranya Inspektor Brodie dipanggil memberi keterangan sekalipun, ia tidak akan membawa apa-apa perbezaan berhubung dengan aspek keterangan yang akan diberikan. Semua butir dan maklumat yang berkaitan kemalangan jalan raya ini telah berada di dalam kertas siasatan tersebut. Peguamcara terpelajar perayu/defendan tidak mencadangkan apakah keterangan material yang boleh diberi oleh Inspektor Brodie yang tidak terdapat di dalam kertas siasatan yang dikemukakan oleh SP3 sekiranya IO dipanggil memberi keterangan. Pengalaman menunjukkan bahawa dalam sesuatu kes kemalangan maut, keterangan pegawai penyiasat berkisar kepada di manakah kemalangan berlaku, kedudukan kenderaan-kenderaan selepas kemalangan dan kerosakan yang dialami oleh kenderaan-kenderaan tersebut.

[20] Gesaan peguamcara terpelajar perayu/defendan supaya s 114(g) Akta Keterangan 1950 digunapakai, dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, tidak bermerit. Dalam buku *Law of Evidence*, dinyatakan di ms 344 berhubung dengan kegagalan mengemukakan saksi oleh pihak pendakwaan yang juga terpakai dalam kes sivil, seperti berikut:

51. Non-production of witness by prosecution — Law does not require that all the eye-witnesses to an occurrence must be produced and examined in a criminal case to prove a charge. S. 134 of the Indian Evidence Act lays down that no particular number of witnesses shall in any case be required for the proof of any fact. Evidence has to be weighed and not counted. When four of the eye-witnesses to witnesses to the occurrence have been examined and their evidence may be legally relied upon, non-examination of the other eye-witnesses would not in any way affect the prosecution case 1972 Cr.L.J. 1552 (Gau.) (D.B.).

The correct law as to the proper effect of the non-production of the witness cannot be decided in the abstract. In the final analysis, it is a question of fact to be determined on a consideration of the circumstances of the individual cases, in which inter alia the following factors should receive due consideration. (i) Whether the witness is in a position to give relevant and material evidence. (ii) Whether the witness is within easy reach of the prosecution or not, or, whether there are circumstances justifying the withholding of a witness, viz., the witness is likely to be hostile to the prosecution. (iii) The nature and intensity of the controversy raised by the defence on a particular issue on which the witness is expected to give evidence. (iv) Presumptiveness of the evidence which is on the record: I.L.R. (1971) 21 Raj. 209.

No particular number of witnesses is required to prove a fact. Before raising an inference adverse to the prosecution under S. 114(g) it has to be shown that the prosecution has withheld a witness, who has to unfold the story for the prosecution.

Thus, where there were already sufficient number of witnesses for the prosecution and the examination of other possible witnesses would only have added to the repetition of the same story over again by those witnesses, entailing a protracted trial, held, an adverse inference against the prosecution could not be drawn: 1983 M.P.L.J. 411.

The material witnesses considered necessary by the prosecution for unfolding the prosecution story alone need be produced and not all witnesses said to have seen the occurrence and no adverse inference can be drawn against the prosecution for the non-production of a non-material witness. (1936) 37 Cr.L.J. 963: A.I.R. 1936 P.C. 289; A.I.R. 1971 S.C. 2156, Rel. on]: 1973 Cr.L.J. 806 (Raj.).

(Lihat juga kes-kes *Lau Song Seng & Ors v Public Prosecutor* [1998] 1 SLR 663 (MR); *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; *Public Prosecutor v Guan Seng Trading Sdn Bhd* [1997] 4 MLJ 207; dan *Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v Chang Ching Chuen & Ors* [1998] 1 MLJ 465 (MP)).

[21] Dokumen-dokumen seperti rajah kasar dan kuncinya serta gambar-gambar yang dilukis dan diambil oleh pegawai penyiasat yang telah meninggal dunia boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 73A(2)(a) Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

(2) In my civil proceedings, the court may at any stage of the proceedings, if having regard to all the circumstances of the case it is satisfied that undue delay or expense would otherwise be caused, order that such a statement as in mentioned in subsection (1) shall be admissible as evidence or may, without any such order having been made, admit such a statement in evidence —

(a) notwithstanding that the maker of the statement is available but is not called as a witness; and

(b) notwithstanding that the original document is not produced, if, in lieu thereof, there is produced a copy of the original document or of the material part thereof certified to be a true copy in such manner as may be specified in the order or as the court may approve, as the case may be.

[22] Mahkamah mempunyai budi bicara untuk memerintahkan sesuatu dokumen dikemukakan sekiranya ia berpuas hati bahawa kelambatan bersangatan atau perbelanjaan yang banyak akan berlaku untuk memanggil pembuatnya memberi keterangan di mahkamah. Dalam membuat ulasan berhubungan keadaan di mana sesuatu dokumen boleh diterima masuk di bawah sub-seksyen tersebut, Abdul Hamid H (sebagaimana beliau ketika itu), berkata dalam kes *Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v Chong On Foh Medical Hall & Liquor Dealers* [1997] 4 MLJ 532 (MT) di ms 535–536:

The plaintiff is a merchant bank. The document in question is an agreement between the bank and another company. On behalf of the bank, it was signed by one Dr Junid and one Dr Cheah Teoh Keong, a managing director. PW1, through whom

the agreement was sought to be tendered, is an officer of the bank. It is his duty to provide information regarding accounts of clients who fail to repay the bank. The document is kept by the bank. He has knowledge of the document. Dr Junid has left the bank. Dr Cheah could not come to the Magistrate's Court, Bukit Mertajam (from Kuala Lumpur) as he is a busy man. He himself had come to Bukit Mertajam (from Kuala Lumpur) five or six times for the same case. It should be noted that the claim was only for a sum of RM5,425.82. He said that the costs incurred by the plaintiff were more than what the plaintiff was claiming.

That is the scenario. I am of the view that this was the type of circumstances that s 73A(2)(a) was enacted to serve. That intention is clearly to avoid undue delay or expense of requiring, in this case, the signatory who has left the bank or the managing director to be personally present in court just to produce the agreement. What more when the suit is in Bukit Mertajam, the office of the plaintiff is in Kuala Lumpur and the claim is only RM5,425.82; and even the officer has had to make five or six trips already.

[23] Dalam kes *Baggs v London Graving Dock Co Ltd* [1943] 1 All ER 426, Goddard LJ berkata di ms 429:

There were three letters all of which, I think, were admissible of course, on the ground that if they were not admitted but the witness had to be called, undue delay or expense would be caused. Not only is the writer of the letters the officer commanding a unit, and whether you could, or when you could, get him as a witness would be quite uncertain, but also he is stationed somewhere in Perthshire. It would be quite unreasonable to expect the workman to be able to bring an officer down from Perthshire with the expense of a return journey and so forth. In those circumstances, we think that the letters were admissible in evidence.

[24] Pada pandangan mahkamah ini, apa-apa keterangan yang ada di dalam kertas siasatan tidak akan memprejudiskan perayu/defendan. Ini adalah kerana responden/plaintif mengalami kecederaan kepala yang serius dan tidak boleh memberi keterangan di mahkamah. Burhanuddin bin Mohd Sharif pula telah meninggal dunia. Oleh itu, apa-apa keterangan yang diberikan kepada pegawai penyiasat (IO) mengenai bagaimana kemalangan ini berlaku hanya datang dari satu sumber sahaja, iaitu pihak perayu/defendan sendiri. Dalam kes *Yew You & Anor v Mah Poay Koh & Anor* [1970] 1 MLJ 57 di ms 58, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

It is elementary law that the onus on the plaintiffs is satisfactorily discharged once it appears to the court on balance of probabilities that the circumstances are more consistent than not with the defendant's negligence. Evidence in support of the plaintiff's case is not necessarily confined to what is adduced on their behalf, but the whole of the evidence, from whatever source, must also be taken into consideration.

In my view, accordingly, the mere fact that the evidence of the alleged eye-witness proved worthless is far from conclusive against the plaintiffs. In the nature of things, the plaintiffs were compelled to rely mainly on the mute testimony of the sketch plan

A and photographs, together with the observations of the investigating officer as the foundation of their case. They could also avail themselves of admissions by the defence. *A fact not to be lost sight of, is that only the self-serving evidence of the lorry driver and his mate tells us where the injured man was lying on the road before they removed him. There were no eye-witnesses. The possibility, therefore, cannot be ruled out that, if the lorry driver was at fault, his foremost concern would be to do what he could to exculpate himself. The evidence presented by the defendants ought, therefore, cannot be ruled out that, if the lorry driver was at fault, his foremost concern would be to do what he could to exculpate himself. The evidence presented by the defendants ought, therefore, to be scrutinised carefully, if not with some suspicion, since they had no fear of contradiction by a dead man*. (Emphasis added.)

[25] Di samping itu, adalah tidak tepat hujah peguambela terpelajar perayu/defendan yang mengatakan bahawa versi perayu/defendan telah diterima oleh pihak polis. Apa yang dinyatakan oleh SP3 ialah: 'Ikut catitan, motor kereta JBY 6474 telah terlanggar belakang dan telah berpusing pada masa yang sama datang motor treler JDC 9676 dan langgar JBY'. SP3 hanya mengatakan apa yang tercatat dalam kertas siasatan dan tidak menunjukkan bahawa pada pandangan pihak polis yang menyiasat kes, versi perayu/defendan adalah lebih meyakinkan.

Isu (c)

[26] Peguambela terpelajar perayu/defendan berhujah bahawa tuan hakim mahkamah sesyen khilaf dalam menolak keterangan perayu/defendan kerana terdapat percanggahan antara laporan polis perayu/defendan dan keterangannya di mahkamah. Selepas meneliti aspek keterangan yang berkaitan, mahkamah ini mendapati bahawa perayu/defendan tidak memberikan versi beliau tentang bagaimana kemalangan berlaku. Aspek keterangan yang berikut perlu diberi perhatian:

Dalam pemeriksaan balas di ms 88, beliau berkata:

Di hadapan motor kereta ada kenderaan lain?

Kurang pasti.

Masa kemalangan sedang potong motor kereta di hadapan?

Ya.

Apa kelajuan masa memotong?

Lebih dari 90.

Setujukah masa memotong terlanggar motor kereta tak bertentangan?

Tidak.

Bahagian mana motor kereta Encik langgar?

Bahagian hadapan langgar mudguard kanan.

Adakah sudah potong?

Dalam proses nak memotong.

Motor kereta saya masih di belakang dan keluar sikit. Tayar kanan dah keluar masuk 'lane' bahagian sebelah.

Berapa jarak motor teksi Encik dengan Proton?

1–2 buah kenderaan.

Lepas berlanggar Encik ubah motor teksi dan parking ke tengah?

Ubah untuk elak kesesakkan.

Ubah ke mana?

Keluar.

Selepas berlanggar motor teksi berhenti di hadapan Proton ada kenderaan?

Tak pasti, kawasan gelap.

Dalam laporan polis kata Proton langgar belakang motor lori tapi tadi kata di hadapan Proton tak tahu ada apa di hadapan, yang mana betul?

Setuju dengan laporan.

Keterangan di mahkamah tak benar mahkamah untuk hujahan.

Cadangkan kemalangan kerana semasa potong Proton, Encik hilang kawalan dan langgar Proton?

Setuju.

Soal Semula

Masa ekori Proton, saya tak nampak apa-apa kenderaan di hadapan Proton. Semasa dalam proses nak potong, saya nampak Proton langgar belakang motorlori, pergi ke kanan, saya hilang kawalan dan langgar Proton.

[27] Adalah jelas daripada keterangan di atas bahawa perayu/defendan telah hilang kawalan dan berlanggar dengan kereta responden/plaintif semasa dalam proses memotong kereta tersebut. Sekiranya terdapat lori/trailer di mana kereta responden/plaintif telah berlanggar, persoalan yang berbangkit ialah kenapakah perayu/defendan tidak dapat melihatnya sedangkan lori itu ialah sebuah kenderaan yang tinggi. Ketinggian lori itu boleh dilihat melalui bahagian atas kereta responden/plaintif jika teksi perayu/defendan mengikutinya di belakang.

[28] Pada pandangan mahkamah ini, tuan hakim mahkamah sesyen adalah tribunal yang layak untuk menentukan sama ada keterangan perayu/defendan sewajarnya ditolak kerana bercanggah dengan laporan polis yang dibuatnya. Beliau mempunyai kelebihan 'audio-visual' dalam menilai kredibiliti saksi-saksi dan keseluruhan keterangan di hadapannya. Dalam hubungan ini, Gopal Sri Ram JCA (sekarang hakim Mahkamah Persekutuan) berkata dalam kes *Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung and another appeal* [1997] 2 MLJ 465 di ms 470:

> The totality of Mr Royan's attack against the learned judge's finding against the first ground is really based on judicial appreciation of evidence to which the audio visual advantage rule applies. The complaints made by Mr Royan are, I think, sufficiently met by the following passage in the speech of Lord Shaw in *Clarke v Edinburgh Tramways Co* [1919] SC (HL) 35 at p 36:
>
> > When a judge hears and sees witnessed and makes a conclusion or inference with regard to what on balance is the weight of their evidence, that judgment is entitled to great respect, and that quite irrespective of whether the judge makes any observations with regard to credibility or not. I can of course quite understand a Court of Appeal that says that it will not interfere in a case in which the judge has announced as part of his judgment that he believes one set of witnesses, having seen them and heard them, and does not believe another. But that is not the ordinary case of a cause in a court of justice. In courts of justice in the ordinary case, things are much more evenly divided; witnesses without any conscious bias towards a conclusion may have in their demeanour, in their manner, in their hesitation, in the nuance of their expressions, in even the turns of the eyelid, left an impression upon the man who saw and heard them which can never be reproduced in the printed page. What in such circumstances, thus psychologically put, is the duty of an appellate court?
>
> In my opinion, the duty of an appellate court in those circumstances is for each judge of it to put to himself, as I now do in this case, the question: am I — who sit here without those advantages, sometimes broad and sometimes subtle, which are the privilege of the judge who heard and tried the case — in a position, not having those privileges, to come to a clear conclusion that the judge who had them was plainly wrong? If I cannot be satisfied in my own mind that the judge with those privileges was plainly wrong, then it appears to me to be my duty to defer to his judgment.

[29] Walaupun alasan penghakiman tuan hakim mahkamah sesyen tidak begitu panjang, namun beliau telah memberi alasan-alasan yang kukuh mengapa versi perayu/defendan tidak berkemungkinan berbanding dengan versi responden/plaintif. Ini adalah sejajar dengan keputusan kes Mahkamah Rayuan *Karumalay a/l Vanniyan & Anor v Ananthan a/l Rethinam* [2005] 3 MLJ 600 di ms 611; [2005] 2 CLJ 429 di ms 440 mana dinyatakan:

A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon the demeanour of a witness without undertaking a critical analysis of what witness's evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same. There are a number of important and leading cases in which the point has been considered.

[30] Isu-isu yang dibincangkan di dalam alasan penghakiman tuan hakim mahkamah sesyen ialah seperti berikut:

(a) Dalam pemeriksaan utama, perayu/defendan tidak memberi fakta yang terperinci tentang bagaimana kemalangan jalan raya itu berlaku;

(b) Perayu/defendan hanya mengemukakan laporan polis yang dibuatnya;

(c) Perayu/defendan telah mengikuti kereta responden/plaintif dari belakang dalam jarak tiga hingga empat buah kereta di lorong sebelah kanan;

(d) Tidak terdapat kenderaan di lorong sebelah kanan;

(e) Perayu/defendan tidak pasti sama ada terdapat apa-apa kenderaan di hadapan kereta yang dipandu oleh responden/plaintif;

(f) Perayu/defendan mengikuti kereta responden/plaintif selama lima minit;

(g) Semasa kemalangan berlaku, perayu/defendan dalam proses memotong kereta responden/plaintif tetapi masih berada di belakang kereta responden/plaintif;

(h) Perayu/defendan hanya baru keluar sedikit sahaja dan masuk ke lorong sebelah kanan;

(i) Bahagian hadapan kereta perayu/defendan berlanggar dengan bahagian kanan kereta responden/plaintif;

(j) Semasa soal balas, apabila perayu/defendan dicabar tentang mengapakah terdapat percanggahan antara keterangannya di mahkamah dan laporan polis di mana dia mengatakan kereta responden/plaintif telah berlanggar

dengan lori/trailer yang berada di hadapan sementara dalam keterangan di mahkamah pula dia mengatakan tidak pasti mengenai perkara ini. Defendan mengatakan apa yang dinyatakan dalam laporan polis adalah betul;

(k) Sekiranya kereta responden/plaintif telah melanggar bahagian belakang lori/trailer, adalah tidak mungkin untuk kereta responden/plaintif bergerak ke kanan kerana kerosakan kepada kereta adalah teruk;

(l) Keterangan perayu/defendan tidak menyokong penemuan fakta oleh siasatan polis;

(m) Gambar-gambar, rajah kasar dan kuncinya serta tanda-tanda atas rajah kasar, gambar-gambar dan kerosakan kepada kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya ini tidak menyokong versi perayu/defendan; dan

(n) Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan, versi perayu/defendan adalah tidak berkemungkinan.

[31] Sebagai kesimpulan mengenai isu liabiliti, mahkamah ini berpuas hati bahawa tuan hakim mahkamah sesyen telah bertanyakan soalan yang betul dan perayu/defendan gagal untuk menunjukkan bahawa keputusan beliau adalah khilaf di sisi undang-undang dan bertentangan dengan keberatan keterangan yang dikemukakan di hadapannya yang mewajarkan gangguan dibuat terhadap penemuan fakta tersebut.

ISU KUANTUM

[32] Undang-undang mengenai bilakah sesuatu award atau kuantum mahkamah bawahan boleh diganggu oleh mahkamah yang mendengar rayuan telah menjadi undang-undang mantap. Seperti yang dijelaskan oleh Wan Sulaiman HMP dalam kes *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai*:

> A Court of Appeal always *starts with the working presumption that any decision appealed against is right in every respect*. So to succeed in an appeal the appellant must convince us that the decision appealed from is wrong. If we are not so convinced, the appeal fails. (Emphasis added).

(Lihat juga kes-kes *Davies & Anor v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1942] AC 601; *Tan Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22; *Topaiwah v Salleh* [1968] 1 MLJ 284; *United Plywood and Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi* [1970] 2 MLJ 237; dan *Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang* [1985] 1 MLJ 153; [1985] 2 CLJ 221).

[33] Kedua-dua peguambela terpelajar perayu/defendan dan responden/plaintif nampaknya tidak berpuas hati dengan award yang dibuat oleh tuan hakim mahkamah sesyen. Bagi peguamcara terpelajar perayu/defendan, beliau mempertikaikan award tuan hakim mahkamah sesyen dalam dua aspek berikut:

(a) 'a global award' sepatutnya diberikan; dan

(b) award sebanyak RM193,000 adalah melampau.

[34] Berhubung dengan (a), terdapat banyak autoriti yang menyatakan bahawa adalah tidak khilaf di sisi undang-undang untuk membuat award secara individu dengan mengambilkira pertindihan. Rujukan boleh dibuat kepada kes-kes, antara lain, seperti berikut:

(a) *Chuah Ow Pow v Lee Foong & Anor* [1975] 1 MLJ 186;

(b) *Lee Boon Kiat v Ng Sing* [1982] 1 MLJ 229;

(c) *Chong Chee Khong & Anor v Ng Yeow Hin* [1997] 5 MLJ 786;

(d) *Tan Teck Hing & Anor v Lee Yong Kong & Anor* [2003] 1 MLJ 599; dan

(e) *Jamil bin Harun v Yang Kamsiah & Anor* [1984] 1 MLJ 217.

[35] Berhubung dengan award RM193,000, pada pandangan mahkamah ini, ia adalah munasabah sama ada dilihat secara individu atau pun secara global. Oleh itu, ia wajar dikekalkan.

[36] Berhubung kecederaan di kepala, peguambela terpelajar responden/plaintif berhujah bahawa jika lihat 'trend' kes-kes yang diputuskan, nampaknya award yang diberi sebanyak RM130,000 agak rendah. Rujukan boleh dibuat kepada kes-kes:

(a) *Mohd Azri bin Sumbong & Anor v Wakil-Wakil Abdul Rasol bin Ariffin si mati (and another suit)* [2008] 2 PIR (33);

(b) *Baharuddin bin Sulong & Anor v View Chong Choo* [2008] 1 PIR (40);

(c) *Paramasivam a/l Samy Peruman v Ibrahim bin Mohd Amin & Anor* [2008] 2 PIR (10).

[37] Walau bagaimanapun, adalah perlu diberi perhatian bahawa tidak ada 2 (dua) kes yang mempunyai fakta yang sama. Award yang diberi dalam kes-kes di atas tidak boleh dipakai dalam kes ini tanpa dibuat apa-apa pengubahsuaian berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini. Pada pandangan

mahkamah ini, award yang diberikan itu adalah munasabah dan wajar dikekalkan.

[38] Berhubung dengan awad kecederaan dan kesakitan dan 'loss of amunities', tidak ada hujah-hujah yang meyakinkan dikemukakan yang boleh menunjukkan bahawa award tersebut perlu diganggu. Oleh itu, award tersebut wajar dikekalkan.

[39] Berhubung dengan kehilangan pendapatan, award yang diberikan, pada pandangan mahkamah ini, adalah berpatutan berdasarkan keterangan yang dikemukakan. Borang J adalah dokumen awam dan boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 74 yang dibaca bersama dengan s 35 Akta Keterangan 1950. Ekshibit ID10A dan eksh ID10B menunjukkan bahawa responden/plaintif mempunyai pendapatan sebanyak RM50,000 dan RM54,000. Oleh itu, untuk memberikan SP2 sejumlah RM1,500 sebulan sebagai perbelanjaan rumah adalah wajar dan munasabah.

[40] Responden/plaintif menyatakan bahawa si mati memperolehi pendapatan sebanyak RM3,500 hasil dari pekerjaannya. Dia memberikan kepada keluarganya sejumlah RM2,000. Responden/plaintif telah memberi pecahan bagaimana wang tersebut telah dibelanjakan. Beliau memberi nombor cukai pendapatannya Fail No OG 3556022–02. Keterangan responden/plaintif dalam aspek ini tidak langsung dicabar dan oleh itu hendaklah dianggap diterima oleh perayu/defendan (lihat kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212).

[41] Mahkamah telah meneliti secara terperinci hujahan peguambela terpelajar kedua-dua pihak berhubung dengan isu kuantum. Kedua-dua pihak telah mengemukakan banyak kes bagi menyokong hujah masing-masing sama ada untuk menunjukkan award yang diberikan itu terlalu tinggi atau terlalu rendah. Walau bagaimanapun, mereka tidak berjaya untuk mematahkan anggapan bahawa 'the decision appealed against is right in every aspect'. Oleh itu, kesemua award yang diberikan oleh tuan hakim mahkamah sesyen berhubung dengan isu kuantum wajar dikekalkan.

KESIMPULAN

[42] Berdasarkan alasan-alasan di atas, adalah diputuskan bahawa rayuan perayu/defendan dan rayuan balas responden/plaintif adalah tidak bermerit dan ditolak dengan kos.

Rayuan perayu dan rayuan balas responden ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Masrifah Ravendran